

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Inisiatif Pendidikan Aeroangkasa Boeing Boleh Rancakkan Kerjaya Rakyat Malaysia	Bernamea.com
2.	Sektor Awam Disaran Hasil Inovasi Yang Dapat Jimat Perbelanjaan Kerajaan - KSN	Bernamea.com
3.	It is illegal to ride on another's WiFi connection, says MCMC	The Star



Inisiatif Pendidikan Aeroangkasa Boeing Boleh Rancakkan Kerjaya Rakyat Malaysia

Perspektif Oleh Mikhail Raj Abdullah

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Usaha Boeing Company menggalakkan lebih ramai warga Malaysia meneruskan kerjaya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bermula dengan jayanya Khamis apabila seramai 200 pelajar sekolah menengah mendapatkan sendiri pengalaman dalam pendidikan aeroangkasa.

Para pelajar yang begitu teruja itu telah dibawa ke simulator penerbangan Advanced Super Hornet di mana mereka belajar mengemudi pesawat jet pejuang, satu pengalaman yang pastinya akan mendorong lagi perasaan ingin tahu mengenai sektor aeroangkasa, malah, mungkin ingin menjadi seorang juruterbang.

Michael Gibbons, Naib Presiden Boeing untuk program F/A-18 dan EA-18 berkata, pengalaman sekali seumur hidup untuk kanak-kanak di Hari Pendidikan Aeroangkasa 2013 yang diadakan di **Pusat Sains Negara** pada Selasa adalah sesuatu yang perlu dinikmati.

Terdapatnya paparan interaktif yang memperlihatkan asas-asas STEM disediakan oleh Boeing dan rakan pembekalnya di atas jet pejuang Super Hornet yang termasuklah General Electric, Northrop Grumman dan Raytheon, kata beliau kepada Bernama hari ini.

Boeing menjadi penaja bersama acara itu sebagai sebahagian daripada Inisiatif Pembangunan Modal Insan, satu usaha dengan sokongan daripada GE, Northrop Grumman dan Raytheon untuk bekerjasama dengan para pemimpin Malaysia mewujudkan program pendidikan dan latihan holistik yang akan memberikan manfaat kepada industri aeroangkasa negara.

Selain daripada mempelajari kepentingan aeroangkasa kepada masa depan Malaysia, Gibbons berkata kerjasama antara kerajaan dan Boeing boleh menyemai semangat untuk kerjaya aeroangkasa di kalangan pelajar tempatan dan dalam konteks yang lebih meluas, merancakkan lagi minat dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

"Seperti di Amerika Syarikat, kami giat mempromosikan STEM dalam setiap peluang yang kami dapat. Di sini, kami bekerjasama dengan kerajaan dalam pembangunan modal insan dengan memberikan tumpuan kepada STEM dan khususnya, sektor aeroangkasa," kata beliau.

"Kami percaya perkara terbaik yang kami boleh lakukan ialah menunjukkan kepada orang ramai peluang dalam sektor aeroangkasa dan berharap dapat menggalakkan dan mendorong mereka meneruskan kerjaya dalam STEM," kata beliau.

Dan, inilah sesuatu yang Boeing mahu salurkan kepada pelajar Malaysia sebagai sebahagian daripada komitmennya kepada kerajaan.

Dengan saingan untuk pesawat tempur pelbagai peranan (MRCA), "kami mungkin meneruskan dan meningkatkan lagi apa yang kami lakukan sekarang dan melangkaunya dari segi latihan profesional dalam bidang teknikal, reka bentuk berkualiti tinggi dan kerja pembangunan untuk industri Malaysia," kata beliau.

Sementara itu, **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin** ketika merasmikan acara itu berkata Malaysia memerlukan 500,000 tenaga kerja dalam sains dan teknologi bagi menyediakan modal insan yang cukup untuk negara mencapai status negara maju menjelang 2020.

-- BERNAMA



Sektor Awam Disaran Hasil Inovasi Yang Dapat Jimat Perbelanjaan Kerajaan - KSN

TELUK INTAN, 12 Sept (Bernama) -- Kementerian dan agensi kerajaan disaran menghasilkan inovasi yang berimpak tinggi yang dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, kata Ketua Setiausaha Negara (KSN) Tan Sri Dr Ali Hamsa.

Beliau berkata terdapat sesetengah inovasi dan pendekatan yang kreatif yang dihasilkan secara dalaman tanpa sebarang kos telah berjaya memudahkan urusan di samping menyelesaikan sesuatu masalah.

"Kita mengalu-alukan inovasi seperti ini yang dapat menjimatkan perbelanjaan kerajaan terutama ketika kita semua perlu menjimatkan belanjawan kementerian atau agensi dan elak perbelanjaan secara keterlaluan," katanya.

Beliau berkata semangat inovasi yang tinggi dan penyediaan pelbagai program yang kreatif dalam sistem penyampaian perkhidmatan perlu dijadikan amalan budaya setiap penjawat awam.

"Kita juga harus sentiasa ingat bahawa inovasi boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui peningkatan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)," katanya ketika berucap merasmikan majlis Anugerah Inovasi Sektor Awam 2013 di Arena Square di sini hari ini.

Beliau berkata kedudukan Malaysia dalam laporan penarafan global seperti Laporan Daya Saing Global dan Indeks Inovasi Global perlu dijadikan pencetus semangat untuk sektor awam supaya lebih berusaha dalam melonjakkan imej perkhidmatan awam di mata dunia.

Dalam majlis tersebut, Kementerian Kesihatan dan **Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)** memenangi Anugerah Inovasi Sektor Awam 2013 bagi kategori pengurusan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Kementerian berkenaan dan ARSM bekerjasama membangunkan Sistem Pengurusan Wabak Denggi.

Selain trofi dan sijil, kedua-dua penerima itu menerima cek RM300,000.

Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak meraih anugerah dan hadiah yang sama bagi kategori Pentadbiran Daerah dan Tanah.

Pencapaian itu dinilai berdasarkan inovasi, pengurusan organisasi dan pelanggan, serta pertadbiran tanah dan daerah manakala Majlis Perbandaran Kuantan memenangi kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 13 SEPTEMBER 2013 (JUMAAT)

It is illegal to ride on another's WiFi connection, says MCMC

PETALING JAYA: It is illegal to hack to hitch a ride on another person's WiFi connection, said the Malaysian Communications and Multimedia Commission.

Both the person using a WiFi hacking device and the supplier of such a device are liable under Sections 236 and 239 of the Malaysian Communication and Multimedia Commission Act 1998.

Section 236 states that a person who commits "fraud and related activity in connection with access devices" can upon conviction be liable to a fine not exceeding RM500,000 or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

It also states that a person who

produces, assembles, uses, imports, sells, supplies or lets for hire any hardware or software used to obtain unauthorised access to any network service, applications services or content applications service is committing an offence.

Section 239, meanwhile, governs the "unlawful use, possession or supply of non-standard equipment or device" and those found guilty are liable to a fine not exceeding RM100,000 or to imprisonment not exceeding two years or to both.

Sheikh Raffie Abdul Rahman, the adviser for MCMC's strategic communications department said products such as these were normally not locally manufactured.

"We suspect they are smuggled in or imported through false or dishonest Customs declaration.

"So far we have prosecuted three offenders in court last year and this year. All pleaded guilty and have been compounded by the Sessions Court in Kuala Lumpur, Shah Alam and Taiping," he added.

Sheikh Raffie, however, said that unlawful access of a computer system falls within the Computer Crimes Act 1997 and is under the jurisdiction of the police.

According to Cybersecurity Malaysia, software for hacking WiFi connections is easily available online.

Cybersecurity Malaysia is the

national cybersecurity specialist agency under the Science, Technology and Innovation Ministry.

"(Affected) users will experience reduced network bandwidth performance and slower download speed," said its chief executive officer Dr Amirudin Abdul Wahab.

He advised users to set strong passwords for their networks, using a combination of alphabets, numbers and characters, with between eight to 16 characters.

"Also install antivirus software in your computer and keep it always updated with the latest signature files to detect and remove malware.

"You should also enable personal firewalls in your computer to block

or filter malicious traffic into your computer," he said.

Meanwhile, a Telekom Malaysia Bhd (TM) spokesman said hacking into private networks was beyond the control of a service provider.

"It is an issue of personal privacy. All sorts of devices to hack into WiFi passwords are easily available. Users must protect themselves by using strong passwords and changing their passwords regularly," she said, adding that customers were also always reminded to change their passwords upon the first registration.

"Believe it or not, some people do not even change the default passwords given to them when they first register with us," she said.